

31 DEC 1997

Mahathir-Berkorban

MAHATHIR SERU RAKYAT BERKORBAN UNTUK PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Tahun Baru 1998 menyeru semua rakyat berkorban untuk memulihkan ekonomi negara yang meruncing sekarang.

Beliau berkata banyak tekanan dan pengorbanan yang perlu dipikul oleh rakyat kerana negara tidak mempunyai pilihan lain untuk mengelakkan daripada meminjam wang daripada kuasa asing.

Katanya, antara pengorbanan itu ialah menabung dan melabur dengan keyakinan walaupun wang yang disimpan akan susut nilainya jika nilai ringgit terus jatuh.

"Jika kita kurang percaya kepada matawang kita dan dengan kerana itu kita tidak menabung atau melabur, dan sebaliknya kita tukar kepada matawang asing atau kita simpan di luar negeri, perbuatan ini tetap akan menjatuhkan nilai matawang kita.

"Sebaliknya jika kita tekun menabung dan membeli serta menyimpan saham, matawang kita tidak akan jatuh secara mendadak," katanya dalam perutusan yang disiarkan melalui radio and televisyen itu.

Dr Mahathir berkata memelihara nilai ringgit merupakan tanggungjawab bersama yang penting di kalangan setiap rakyat kerana orang lain tidak akan mempertahankannya.

Katanya, ringgit tidak akan hilang kuasa membeli barangan dan khidmat dalam negara sama dengan susutan yang berlaku yang melebihi 30 peratus berbanding dollar Amerika Syarikat sejak Julai.

Beliau mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia tidak akan meminjam daripada badan antarabangsa kerana ia bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Kuasa asing akan mengenakan pelbagai syarat yang akan menyebabkan penderitaan rakyat menjadi lebih berat dan mereka memaksa kerajaan menaikkan cukai ke atas orang yang sudah menjadi miskin, menaikkan faedah pinjaman dan menutup sebahagian besar bank dan syarikat kewangan, katanya.

Perdana Menteri berkata mereka akan paksa bank dan syarikat gergasi asing dibenar masuk dan mengambil alih bank-bank dan syarikat di negara ini dan menjalankan dasar yang hanya bertujuan meningkatkan keuntungan mereka seberapa tinggi yang boleh.

"Kita tidak lagi akan bebas. Rakyat akan menganggur dan menderita, inilah pilihan yang ada jika kita tidak sanggup berkorban sedikit," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bukan memberikan gambaran itu untuk menakutkan rakyat tetapi ia merupakan perkara yang telahpun berlaku kepada beberapa negara yang menerima syarat-syarat pinjaman asing.

Katanya, dalam menghadapi cabaran ekonomi sekarang rakyat tidak boleh berputus asa dan menyerah kalah, sebaliknya mereka mesti sanggup menghadapi cabaran, sanggup berkorban dalam mempertahankan kemerdekaan dan maruah negara.

"Perjuangan kita bukan sahaja belum selesai tetapi sudah menjadi lebih genting," katanya.

Sambil mengucapkan syukur terhadap sokongan yang dinyatakan oleh semua lapisan rakyat terhadap kerajaan dan dirinya sendiri dalam usaha menangani kegawatan ekonomi yang berlaku, beliau meminta sokongan itu dibentuk menjadi tindakan dan amalan yang boleh memulihkan ekonomi negara.

"Alhamdulillah, tekanan ke atas kita (oleh manipulator matawang dan pasaran modal) telah menyebabkan rakyat Malaysia daripada semua kaum lebih

bersatu padu dan menyokong tindakan kerajaan mempertahankan kedaulatan dan kebebasan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk menjimatkan perbelanjaan, kerajaan akan menggugurkan beberapa rancangan atau melambatkannya di samping memotong gaji kakitangan kerajaan bergaji tinggi, anggota kabinet dan ahli politik dalam kerajaan manakala kenaikan gaji tahunan kakitangan awam kumpulan A dan B akan ditangguh.

"Adalah diharapkan sektor swasta juga akan berbuat demikian terutama mereka yang menerima upah dan kemudahan-kemudahan yang tinggi," katanya.

Katanya, Majlis Bertindak Ekonomi Negara yang dipengerusikannya, akan diberi peranan penting merancang dan melaksanakan tindakan yang perlu untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya saing di peringkat global dan mengatasi masalah kewangan dan ekonomi yang dihadapi.

Kempen tertentu akan dilancar bagi mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan dalam kerajaan dan di kalangan rakyat, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti, mengurangkan import dan meningkatkan eksport, meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pendidikan serta menaikkan kualiti khidmat dan barangan.

Menurutnya, usaha yang lebih gigih akan dijalankan bagi menarik pelaburan asing dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk eksport, dan menarik lebih ramai pelancong asing sementara rakyat pula digesa melancong dalam negara.

Dalam usaha mengurangkan pembaziran dan menjimatkan perbelanjaan, Dr Mahathir menyebut peranan yang boleh dimainkan oleh golongan wanita dan suri rumah tangga yang menurutnya boleh mempengaruhi masyarakat dengan berkesan dalam usaha memulihkan ekonomi.

"Mereka boleh menjadi teladan yang baik, bahkan memandu masyarakat dalam melaksanakan rancangan pemulihan yang telah kita rancangkan," katanya.

Secara khusus untuk memelihara nilai ringgit, beliau berkata wang tidak perlu ditukar melainkan untuk mengimport; penggunaan barangan seperti tepung, gula dan bawang hendaklah dikurangkan; barangan tempatan hendaklah digunakan bagi menggantikan import. -- BERNAMA

MNY NMO